

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 OGOS 2023**

---

**1. PELETAKAN JAWATAN EMPAT (4) ORANG AHLI MAJLIS  
MBSP BERKUATKUASA 28 JULAI 2023**

Dimaklumkan seramai empat (4) orang Ahli Majlis telah meletak jawatan sebagai Ahli Majlis MBSP berkuatkuasa 28 Julai 2023 kerana bertanding dalam Pilihanraya Negeri (PRN) ke-15. Ahli Majlis - Ahli Majlis tersebut adalah :

- i. Encik David Marshel a/l Pakianathan yang telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP sejak 1 Julai 2013 sehingga 28 Julai 2023. (10 tahun)
- ii. Encik Chee Yeeh Keen yang telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP sejak 2 Januari 2020 hingga 28 Julai 2023. (2 tahun 7 bulan)
- iii. Encik Zainuddin bin Mohamed yang telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP sejak 2 Januari 2020 hingga 28 Julai 2023. (2 tahun 7 bulan)

- iv. Encik Fahmi bin Zainol telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP 2 Januari 2020 hingga 28 Julai 2023. (2 tahun 7 bulan)

MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis. Kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan amatlah dihargai.

## **2. PERLANJUTAN TEMPOH PELANTIKAN AHLI MAJLIS MBSP**

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 23 Ogos 2023 telah memutuskan bahawa tempoh pelantikan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang akan tamat pada 31 Ogos 2023 dilanjutkan sehingga 30 September 2023.

## **3. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Cik Moey Sui Min telah dilantik menjadi Arkitek Gred J41 di Jabatan Bangunan, berkuatkuasa 1 Ogos 2023. Berkelulusan Ijazah Sarjana Seni Bina di Universiti

Kebangsaan Malaysia dan berpengalaman sebagai Planning Executive di sebuah syarikat swasta sebelum ini.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik - baiknya.

#### **4. TARIKH AKHIR BAYARAN BIL SERTA PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2023**

Dimaklumkan bahawa tanggal 31 Ogos 2023 (Khamis) merupakan tarikh akhir pembayaran bil serta promosi bayaran cukai taksiran penggal kedua 2023. Promosi “**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP PENGGAL 2/2023 SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**” yang telah bermula pada 1 Julai 2023 yang lalu dan bakal tamat pada 31 Ogos 2023 yang telah menawarkan hadiah-hadiah lumayan seperti berikut:

#### **KATEGORI 1 : HADIAH UTAMA TAJAAN MBSP**

<b>Kedudukan Hadiah</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM5,555
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM500

## KATEGORI 2: HADIAH TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	LEM Folding Bike (RM1,300)
Tempat Ke- 2	LEM e-BIKE with Paddle (RM1299)
Tempat Ke- 3	Electric Scooter (RM1,099)

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada penghujung bulan September 2023. Pemilik premis disarankan supaya memuat turun aplikasi **ASPIRE Seberang Perai** untuk memudahkan urusan semakan bil cukai taksiran secara digital dan terus membuat bayaran melalui aplikasi berkenaan.

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera menjelaskan cukai taksiran tahun 2023 berserta tunggakan (jika ada) dengan kadar **SEGERA** untuk melayakkan anda menyertai cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah yang amat lumayan. Jangan berlengah lagi.

Tertakluk kepada terma dan syarat. Maklumat lanjut berkaitan promosi, sila layari laman web MBSP di <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian helpdesk cukai taksiran di **04-5497470/ 471/ 697/ 696 (waktu bekerja sahaja)** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

### 5. PENGANAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 SEPTEMBER 2023

Dimaklumkan bahawa, 31 Ogos 2023 (Khamis) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi penggal kedua 2023.

Mulai 1 September 2023 (Jumaat), Caj Notis Borang E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP.

Samakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi.

## **6. MAKLUMAN PENGOPERASIAN KAUNTER BAYARAN MBSP BANDAR PERDA PADA HARI SABTU DAN AHAD DAN LANJUTAN TEMPOH OPERASI PADA HARI TERAKHIR *PEAK PERIOD***

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai telah membuka perkhidmatan kaunter bayaran pada hari Sabtu dan

Ahad minggu ketiga dan keempat bulan Ogos 2023 bersempena dengan bulan kutipan cukai taksiran MBSP bagi Setengah Tahun Kedua 2023 seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>HARI</b>	<b>WAKTU OPERASI</b>
i	19 Ogos 2023 dan 20 Ogos 2023	Sabtu dan Ahad	8.30 pagi - 12.30 tengahari
ii	26 Ogos 2023 dan 27 Ogos 2023	Sabtu dan Ahad	8.30 pagi - 12.30 tengahari

Operasi kaunter akan dilanjutkan sehingga jam 8.00 malam pada hari terakhir *peak period* iaitu pada 30 Ogos 2023 (Rabu) bagi memberi kemudahan kepada pelanggan membuat bayaran cukai taksiran.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan bayaran secara atas talian melalui aplikasi seperti MBSPPay, Aspire Seberang Perai, Touch N Go e-wallet dan Boost adalah digalakkan bagi memudahkan dan melancarkan urusan pelanggan.

## 7. MAKLUMAN PENUTUPAN OPERASI KAUNTER MBSP BANDAR PERDA, KAUNTER MBSP CAWANGAN KAMPUNG JAWA DAN CAWANGAN JAWI PADA WAKTU REHAT HARI JUMAAT

Dimaklumkan bahawa operasi Kaunter MBSP Bandar Perda, Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa dan Cawangan Jawi akan ditutup pada **waktu rehat hari Jumaat** mulai bulan September 2023.

Penutupan operasi kaunter pada waktu rehat pada hari Jumaat dibuat supaya selaras dengan Kaunter *Multiskill*, Klinik, Kaunter Bangunan dan OSC yang ditutup sepanjang tempoh berkenaan.

Waktu operasi kaunter MBSP yang terkini adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER
Isnin - Khamis	7.30 pagi - 4.30 petang
Jumaat	7.30 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 tengah hari - 4.30petang

Walau bagaimanapun, pelanggan disarankan untuk menggunakan perkhidmatan di hujung jari yang lebih mudah dan efisien melalui kemudahan dan aplikasi yang disediakan seperti Cyber Counter MBSP, MBSPPay serta Aspire MBSP.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-66**

Tema “Malaysia MADANI : Tekad Perpaduan Penuhi Harapan” dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini, selari dengan harapan agar semua rakyat Malaysia semarakkan rasa cinta negara dengan turut serta dalam program yang telah disusun atur sepanjang bulan kebangsaan tahun ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-66 pada 31 Ogos 2023 (Khamis) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **9. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September. 16 September 2023 merupakan hari Sabtu dan hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang.



## 10. SELAMAT MENYAMBUT HARI BANDARAYA

Dimaklumkan pada 16 September 2023, Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menyambut Hari Bandaraya yang Ke-4. Majlis Perbandaran Seberang Perai secara rasminya dinaik taraf dan dikenali Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2019. MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ke-15 diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya di Negara ini.

MBSP akan mengadakan pelbagai program sepanjang dari 15 September 2023 sehingga 15 Oktober 2023, sempena Sambutan Hari Bandaraya . Antara program yang akan diadakan adalah seperti;

- i. Karnival Sambutan Hari Bandaraya pada 16 September 2023;
  - Pameran Jabatan-Jabatan MBSP
  - Pameran Agensi Luar
  - Gerai Jualan Makanan & Barangan
  - Zon Permainan Kanak-kanak & Sukaneka
  - Persembahan Kebudayaan & Nyanyian
  - Pertandingan Mewarna
  - Pertandingan Gubahan

- ii. Forum Perdana pada 14 September 2023;
- iii. Program Komuniti *1 Heart 1 Tree 1 Hope* pada 19 September 2023;
- iv. Tower Run pada 24 September 2023;
- v. Sambutan Hari Sungai pada 24 September 2023.
- vi. Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts (SPICEC) pada 4-5 Oktober 2023

**11. PROGRAM MESRA PELANGGAN MBSP PADA 10 SEPTEMBER 2023 (AHAD) BERTEMPAT DI DEWAN TAMAN SEPADU JAYA, TASEK GELUGOR SPU**

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengadakan program **Mesra Pelanggan** pada **10 September 2023 (Ahad)** bertempat di **Dewan Taman Sepadu Jaya, Taman Sepadu, Tasek Gelugor SPU**.

Program ini mensasarkan penduduk dan pembeli rumah dikawasan skim perumahan di Tasek Gelugor / Kubang Menerong / Bertam dan sekitar yang telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) baru-baru ini untuk mereka memohon kelulusan jika

hendak menjalankan kerja-kerja ubahsuai / pindaan / tambahan kepada rumah kediaman mereka. Dalam masa yang sama, penduduk kawasan lain juga boleh menyertai dan memohon kelulusan melalui program ini.

Pihak MBSP mengalu-alukan semua pihak yang mempunyai rumah kediaman supaya mendapatkan kelulusan bagi sebarang pindaan dan tambahan yang hendak dijalankan ke atas rumah kediaman mereka. Ini untuk memastikan supaya semua kerja-kerja binaan adalah dijalankan dengan teratur dan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas kerja-kerja binaan yang dijalankan tanpa kebenaran.

Dengan ini, semua penduduk / pembeli / orang ramai yang adalah dijemput untuk menyertai program Mesra Pelanggan MBSP ini dan kelulusan pindaan dan tambahan ke atas rumah-rumah kediaman akan diberikan secara **serta merta** pada hari tersebut tertakluk syarat-syarat dipatuhi.

## **12. OPERASI PENGUATKUASAAN WARGANEGARA ASING YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA KEBENARAN DI TAMAN PELANGI, SPT**

Dimaklumkan bahawa, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menjalankan pemantauan dari masa ke semasa di sekitar kawasan Taman Pelangi, SPT dan penguatkuasa MBSP telah mengesan empat (4) unit premis perniagaan / kedai runcit yang dikendalikan oleh warganegara asing ketika serbuan dibuat.

Oleh itu, pihak Majlis telah membuat sitaan premis perniagaan ini serta merta kerana telah melanggar syarat-syarat Pelesenan yang telah ditetapkan.

Ditegaskan bahawa warganegara asing tidak dibenarkan untuk menjalankan sebarang perniagaan tanpa kebenaran dan diingatkan juga bahawa pemilik lesen warga tempatan adalah tidak dibenarkan untuk meminjam / menggunakan lesen atas namanya untuk menyokong aktiviti perniagaan oleh warganegara asing. MBSP akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan dan tindakan tegas akan diambil tanpa kompromi.

### **13. PENGANJURAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL TAHUN 2023**

Dimaklumkan bahawa, Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Butterworth Fringe Festival 2023 (BFF 2023) pada 16-17 DISEMBER 2023 (Sabtu-Ahad) bermula jam 4.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth.

Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan secara PERCUMA kepada komuniti. BFF adalah salah satu platform dalam memangkin aktiviti local economic development (LED) bagi komuniti Seberang Perai khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya. Penduduk Seberang Perai dijemput hadir!

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**